



Terms and Conditions for the Touch 'n Go (TNG) ParkInsure

By subscribing to ParkInsure (“Plan”), you hereby agree to the following:

- 1.0 The ParkInsure product provides monthly renewable insurance / takaful coverage upon death, Total and Permanent Disability or inconvenience caused by an accident while you and / or your car are at a TNG-enabled car park compound area. The said insurance / takaful coverage is underwritten by the insurance company / takaful operator respectively as follows:

No.	Insurance Company / Takaful Operator	Type of Coverage
1)	Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (Registration No. 200601015674 (735426-V)) (“Allianz”)	Insurance
2)	Zurich General Takaful Malaysia Berhad (Registration No. 201701045981(1260157-U)) (“Zurich”)	Takaful

- 2.0 The Plan is an online self-subscribing / self-participation plan made available by Touch 'n Go Sdn Bhd (“TNG” / “us”) through Touch 'n Go eWallet only. If you choose either type of coverage under the Plan, you agree to these terms and conditions contained herein and to the terms and conditions imposed by the relevant insurance company / takaful operator.

Eligibility

- 3.0 You can subscribe to / participate in this Plan if you are:
- (i) a Malaysia citizen; or
 - (ii) a Malaysia permanent resident; or
 - (iii) an individual holding a valid work permit in Malaysia / a valid employment pass in Malaysia / legally employed in Malaysia / a dependent pass granted by the relevant Malaysian authority; or
 - (iv) an individual legally residing in Malaysia; and
 - (v) a TNG card holder* aged from eighteen (18) years old up to seventy (70) years old# who has linked your TNG card to your own TNG eWallet with account verification completed (“Insured / Covered Person”).

#For insurance coverage, age refer to the age of your actual birthday; For takaful coverage, age refer to the age of your next birthday. For example, if you turn 70 years old today, you are still eligible for the insurance coverage but not for the takaful coverage as your actual age is 70 and your next birthday age is 71 (i.e. current age +1).

**For clarity, the Touch 'n Go Fleet XS, Biz XS, PLUstrack, Pukal FleetXS and Pukal BizXS are excluded from this Plan.*

Terms of Subscription / Participation

- 4.0 Subject to other terms and conditions imposed by the insurance company / takaful operator in respect of the insurance / takaful coverage type of your choice, your entitlement to the coverage under the Plan is subject to the following:-
- (a) your Touch 'n Go eWallet account remains active throughout the Plan coverage period; and
 - (b) the selected Touch 'n Go card linked to your Plan is legitimate and valid, throughout the Plan coverage period; and
 - (c) the same selected Touch 'n Go card must also be used to enter into and exit from a car park compound area.
- 5.0 You are not allowed to change your selected Touch 'n Go card with other Touch 'n Go card or unlink the selected Touch 'n Go card from the Plan throughout the Plan coverage period except



for any lost / stolen / expiry of your Touch 'n Go card. Kindly contact TNG Careline as listed in Clause 24.0 herein for any assistance on this.

- 6.0 If you decide to terminate your Touch 'n Go eWallet, the validity of the Plan will remain enforceable until its expiration date, with no refund of the premium /contribution paid to TNG being made to you.
- 7.0 You can only subscribe to / participate in one (1) type of coverage at a time only.
- 8.0 After choosing your preferred type of coverage, payment of the required premium / contribution amount for the said Plan shall be made by way of deduction from your Touch 'n Go eWallet account. Upon successful deduction of the premium / contribution amount, the Plan is deemed successfully subscribed by you and you will receive an email notification on this from us ("**Successful Subscription**").
- 9.0 Upon Successful Subscription, your chosen Plan coverage will be effective at 12:00 a.m. on the following day for a period of 1 month from such effective date. For example, the successful deduction of the premium / contribution payment was made on 1 July 2023 hence the coverage will be effective on 2 July 2023 (12:00 a.m.) until 1 August 2023 (11:59 p.m.).

Renewal of Plan

- 10.0 The Plan subscribed / participated by you shall be automatically renewed on monthly basis unless unsubscribed by you via Touch 'n Go eWallet prior to the expiration of the existing coverage period of such Plan.
- 11.0 Due to such automatic renewal, deduction from your Touch 'n Go eWallet account for the payment of the required premium / contribution amount will be made by TNG automatically two (2) days prior to the expiry of your chosen Plan. For example, expiry of your chosen Plan is on 31 August 2023, deduction will be made on 29 Aug 2023.
- 12.0 If the deduction fails due to insufficient balance in your Touch 'n Go eWallet account, you shall receive an email notifying the expiry of your chosen Plan coverage. If you fail to reload the value of your Touch 'n Go eWallet account, the coverage will automatically be cancelled upon making three (3) unsuccessful attempts of the deduction by us.
- 13.0 You are required to ensure that your Touch 'n Go eWallet account have sufficient balance at all times for payment of the required premium / contribution amount of your chosen Plan.

Cancellation of Plan

- 14.0 Deactivation of your chosen Plan is allowed, however the insurance / takaful coverage shall continue to be in force until expiry of the Plan and there shall be no refund on the premium / contribution amount paid by you to TNG.
- 15.0 Deactivation of your chosen Plan for subsequent month(s) renewal is required to be done at least three (3) days before the expiry of your chosen Plan (before 11.59 p.m.) via Touch 'n Go eWallet. For example, your chosen Plan expires on 31 August 2023 and cancellation for the renewal in September 2023 can be made by 28 August 2023.

Personal Data

- 16.0 You hereby expressly authorize TNG to collect and share your Personal Data with Touch 'n Go Digital Sdn Bhd ("**TNGD**") and/or the insurance company / takaful operator of your chosen coverage type for the purposes of this Plan.
- 17.0 For clarification, TNG shall at all times ensure that your Personal Data and information in the control of TNG shall be processed in accordance with applicable laws and TNG's Privacy Notice which can be found at TNG website at [Privacy Notice](#) page.



Change of Personal Data

- 18.0 For the purposes of these terms and conditions. "Personal Data" means any information relating to an identifiable person who can be directly or indirectly identified by the information collected by TNG or processed by the insurance company / takaful operator. You are responsible for ensuring your Personal Data provided by you for the purposes of ParkInsure is accurate, complete, not misleading and kept up-to-date.

For Personal Data update for the purposes of ParkInsure, you may contact the insurance company / takaful operator directly:

For Zurich, you may contact their customer service at 1-300-888-622 (available from 8:30 a.m. to 5:15 p.m., Monday - Friday, excluding public holidays)

For Allianz, you may contact their customer service at 1-300-22-5542 (available from 9:00 a.m. to 6:00 p.m., Monday - Friday, excluding public holidays).

Claim

- 19.0 You can submit your claim via Touch 'n Go eWallet. You will receive a confirmation email on your submitted claim and the insurance company / takaful operator will reach out to you for processing and completion of the claim made by you. You are required to provide the necessary supporting documents to your claim which shall include but not limited to police report, photos or videos of incident for the insurance company / takaful operator to process the claim.
- 20.0 In the event your Touch 'n Go eWallet is no longer active, but your coverage is active, you may proceed to submit your claim directly to the insurance company / takaful operator via manual form and your claim shall be processed by the insurance company / takaful operator and payment shall be made to your bank account. You may reach out to the insurance company / takaful operator as stated under Clause 18.
- 21.0 For claim limit, you may refer to policy / certificate wording provided to you upon coverage activation.
- 22.0 Your claim is subject to the insurance company's / takaful operator's review and approval. Insurance company / takaful operator will be responsible for the underwriting, claim process and / or any dispute resolution under the Plan. TNG shall not be liable for any rejection of claims due to eligibility as outlined in the master policy / certificate.
- 23.0 For claim(s) status, you may contact the insurance company / takaful operator of your chosen type of coverage as stated under clause 18.

Forms of Communication

- 24.0 All notices, requests and/or other communications from you to TNG may be communicated through the following channels:

Touch 'n Go Sdn Bhd

Tower 6, Avenue 5, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur

Careline No.: 03-2714 8888 (available from 8:00 a.m. – 8:00 p.m., Monday - Friday, including public holidays)

E-mail: careline@touchngo.com.my



Miscellaneous

- 25.0 The description of the features and benefits of the insurance / takaful product herein is not a contract of insurance / takaful and is only a brief summary of the insurance / takaful product for quick and easy reference. The complete terms and conditions of the insurance / takaful product are contained in the master policy / certificate document of the insurance company / takaful operator. Please read and understand the Product Disclosure Sheet for the type of coverage before subscribing to / participating in the Plan.
- 26.0 TNG is not the owner or the underwriter of the insurance / takaful product offered herein. As such, TNG is under no obligations and accepts no responsibility or liability for this insurance / takaful product and the coverage provided by the insurance company / takaful operator to you. TNG is merely a master policy holder for this insurance coverage under the Plan. TNG is a master certificate holder for the takaful coverage under the Plan and a distributor for and on behalf of the takaful operator.
- 27.0 The owner or underwriter of the insurance / takaful coverage offered under the Plan is Allianz / Zurich. As such, Allianz / Zurich will have the full responsibility and liability of the insurance / takaful coverage offered herein together with relevant services attached to it.
- 28.0 These terms and conditions shall be governed by and interpreted in accordance with the laws of Malaysia.
- 29.0 The Plan subscribed / participated by you herein is subject to the terms and conditions of the insurance company / takaful operator.
- 30.0 If any of the provisions herein contained should be invalid, illegal or unenforceable under any applicable law, the legality and enforceability of the remaining provisions shall not be affected or impaired in any way and such invalid, illegal or unenforceable provision shall be deemed void.
- 31.0 These terms and conditions are also made available in Bahasa Malaysia. In the event of any conflict or ambiguity between the terms of the English and Bahasa Malaysia version, the version which you have read, understood and agreed shall prevail.
- 32.0 TNGSB is a registered agent of Zurich. TNGSB is the master policyholder of the personal accident insurance underwritten by Allianz under ParkInsure. TNG Digital Sdn. Bhd. acts as a platform partner of TNGSB for the ParkInsure.



Terma dan Syarat untuk Touch 'n Go (TNG) ParkInsure

Dengan melanggan ParkInsure ("Pelan"), anda dengan ini bersetuju kepada perkara-perkara yang berikut:

- 1.0 Produk ParkInsure TNG menyediakan perlindungan insurans / takaful secara pembaharuan bulanan apabila berlakunya kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal atau kesulitan yang disebabkan oleh sesuatu kemalangan semasa anda dan / atau kereta anda berada di kawasan tempat letak kereta. Perlindungan insurans/takaful ini ditaja jamin oleh syarikat insurans/pengendali takaful seperti berikut:

Bil.	Syarikat Insurans / Pengendali Takaful	Jenis Perlindungan
1)	Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (No. Pendaftaran 200601015674 (735426-V)) (" Allianz ")	Insurans
2)	Zurich General Takaful Malaysia Berhad (No. Pendaftaran 201701045981(1260157-U)) (" Zurich ")	Takaful

- 2.0 Pelan ini ialah pelan langganan sendiri / penyertaan sendiri dalam talian yang disediakan oleh Touch 'n Go Sdn Bhd ("**TNG**" / "kami") melalui *eWallet* Touch 'n Go sahaja. Jika anda memilih untuk melanggan/ menyertai sesuatu jenis perlindungan di bawah Pelan, anda bersetuju dengan terma dan syarat ini serta terma dan syarat yang dikenakan oleh syarikat insurans / pengendali takaful pilihan anda.

Kelayakan

- 3.0 Anda boleh melanggan/ menyertai Pelan ini jika anda adalah:
- (i) seorang warganegara Malaysia; atau
 - (ii) seorang pemastautin tetap Malaysia; atau
 - (iii) seorang pemegang permit kerja yang sah di Malaysia / pemegang pas penggajian yang sah di Malaysia / diambil bekerja secara sah di Malaysia / pas tanggungan yang diberikan oleh pihak berkuasa Malaysia yang berkaitan; atau
 - (iv) seorang individu yang tinggal di Malaysia secara sah; dan
 - (v) merupakan seorang pemegang kad TNG* yang berumur daripada lapan belas (18) tahun sehingga tujuh puluh (70) tahun[#] yang telah memautkan kad Touch 'n Go anda dengan *eWallet* Touch 'n Go anda ("**Orang Yang Diinsuranskan / Dilindungi**").

#Bagi perlindungan insurans, umur merujuk kepada umur hari lahir sebenar anda; Bagi perlindungan takaful, umur merujuk kepada umur hari lahir berikut anda. Contohnya, jika anda berumur 70 tahun hari ini, anda masih layak untuk perlindungan insurans tetapi tidak layak untuk perlindungan takaful kerana umur sebenar anda ialah 70 tahun dan umur hari lahir berikut anda ialah 71 (iaitu umur semasa +1).

**Untuk penjelasan, Touch 'n Go Fleet XS, Biz XS, PLUStrack, Pukal FleetXS dan Pukal BizXS adalah dikecualikan daripada Pelan ini.*

Terma-terma Perlangganan / Penyertaan

- 4.0 Tertakluk kepada terma dan syarat lain yang dikenakan oleh syarikat insurans / pengendali takaful berkenaan dengan jenis perlindungan insurans/takaful pilihan anda, kelayakan anda bagi perlindungan di bawah Pelan tertakluk kepada perkara berikut:
- (a) akaun Touch 'n Go *eWallet* anda kekal aktif sepanjang tempoh perlindungan Pelan; dan
 - (b) kad Touch 'n Go yang dipilih dan yang dipautkan dengan Pelan adalah sah dan sah sepanjang tempoh perlindungan Pelan; dan
 - (c) kad Touch 'n Go yang dipilih mestilah kad yang sama digunakan untuk masuk and keluar daripada kawasan tempat letak kereta.



- 5.0 Anda tidak dibenarkan menukar kad Touch 'n Go pilihan anda dengan kad Touch 'n Go yang lain atau membatalkan pautan kad Touch 'n Go yang dipilih itu daripada Pelan sepanjang tempoh perlindungan Pelan, kecuali berlaku kehilangan / kecurian / tamat tempoh bagi kad Touch 'n Go anda. Sila hubungi TNG *Careline* seperti yang disenaraikan dalam Fasal 24.0 yang terkandung di sini bagi apa-apa bantuan mengenai perkara ini.
- 6.0 Jika anda memutuskan untuk menamatkan akaun *eWallet* Touch 'n Go anda dalam tempoh perlindungan, Pelan anda akan kekal berkuat-kuasa sehingga tamat tempoh dan tiada bayaran balik terhadap premium / caruman yang telah dibayar.
- 7.0 Anda hanya boleh melanggan / menyertai satu (1) jenis perlindungan pada satu-satu masa sahaja.
- 8.0 Selepas memilih jenis perlindungan pilihan anda, bayaran jumlah premium / caruman yang diperlukan bagi Pelan tersebut akan dibuat secara potongan daripada akaun *eWallet* Touch 'n Go anda. Selepas potongan akaun berjaya dibuat, Pelan tersebut diandaikan sebagai berjaya dilanggan oleh anda dan anda akan menerima pemberitahuan e-mel mengenai perkara ini daripada kami ("**Langganan Berjaya**").
- 9.0 Selepas Langganan Berjaya, perlindungan Pelan pilihan anda akan berkuat kuasa pada pukul 12:00 pagi pada keesokan harinya selama tempoh 1 bulan dari tarikh kuat kuasa tersebut. Contohnya, potongan pembayaran telah berjaya dibuat pada 1 Julai 2023, perlindungan akan berkuat kuasa pada 2 Julai 2023 (pukul 12:00 pagi) sehingga 1 Ogos 2023 (pukul 11:59 malam).

Pembaharuan Pelan

- 10.0 Pelan yang dilanggan / disertai oleh anda akan diperbaharui secara automatik setiap bulan melainkan jika anda membatalkan langganan anda melalui *eWallet* Touch 'n Go sebelum tamatnya tempoh perlindungan sedia ada bagi Pelan tersebut.
- 11.0 Disebabkan oleh pembaharuan automatik sedemikian, potongan daripada akaun *eWallet* Touch 'n Go anda untuk jumlah premium / caruman pembayaran yang diperlukan akan dibuat oleh TNG secara automatik dua (2) hari sebelum tamat tempoh Pelan pilihan anda. Contohnya, tamat tempoh polisi / sijil adalah pada 31 Ogos 2023, potongan akan dibuat pada 29 Ogos 2023.
- 12.0 Jika potongan gagal dibuat disebabkan oleh baki yang tidak mencukupi dalam akaun *eWallet* Touch 'n Go anda, anda akan menerima e-mel yang memaklumkan tamat tempoh perlindungan Pelan pilihan anda. Jika anda gagal menambah nilai akaun *eWallet* Touch 'n Go anda, perlindungan tersebut akan dibatalkan secara automatik selepas tiga (3) kali percubaan pemotongan dibuat oleh kami gagal.
- 13.0 Anda dikehendaki untuk memastikan bahawa akaun *eWallet* Touch 'n Go anda mengandungi baki yang mencukupi pada setiap masa untuk jumlah premium / caruman pembayaran yang dikehendaki bagi Pelan pilihan anda.

Pembatalan Pelan

- 14.0 Penyahaktifan Pelan pilihan anda adalah dibenarkan, walau bagaimanapun, perlindungan insurans / takaful tersebut akan terus berkuat kuasa sehingga tamat tempoh Pelan tersebut pada bulan tersebut dan tiada bayaran balik ke atas jumlah premium / caruman pembayaran yang telah dibayar oleh anda kepada TNG.
- 15.0 Penyahaktifan Pelan pilihan anda bagi pembaharuan untuk bulan(bulan-bulan) berikutnya perlu dilakukan sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum tamat tempoh Pelan pilihan anda (sebelum 11.59 malam) melalui *eWallet* Touch 'n Go. Contohnya, Pelan pilihan anda tamat tempoh pada 31 Ogos 2023 dan pembatalan pembaharuan pada bulan September 2023 boleh dibuat selewat-lewatnya pada 28 Ogos 2023.



Data Peribadi

- 16.0 Anda dengan ini membenarkan TNG secara nyata untuk mengumpul, menggunakan dan / atau berkongsi Data Peribadi anda dengan Touch 'n Go Digital Sdn Bhd ("**TNGD**") dan / atau syarikat insurans / pengendali takaful pilihan perlindungan anda bagi tujuan Pelan ini.
- 17.0 Untuk penjelasan, TNG akan, pada setiap masa, memastikan bahawa Data Peribadi dan maklumat anda dalam kawalan TNG akan diproses mengikut undang-undang yang terpakai dan Notis Privasi TNG yang boleh didapati di laman web TNG pada halaman [Notis Privasi](#).

Perubahan Data Peribadi

- 18.0 Bagi tujuan terma dan syarat ini, "Data Peribadi" bermaksud sebarang maklumat yang berkaitan dengan seseorang yang boleh dikenal pasti, dapat dikenal pasti secara langsung atau tidak langsung melalui maklumat yang dikumpulkan oleh TNG atau diproses oleh syarikat insurans/ pengendali takaful daripada anda. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Data Peribadi diberikan oleh anda bagi tujuan ParkInsure adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan dikemaskinikan.

Untuk pengemaskinian Data Peribadi bagi tujuan ParkInsure, anda boleh terus menghubungi syarikat insurans / pengendali takaful:

Bagi Zurich, anda boleh menghubungi khidmat pelanggannya pada talian 1-300-888-622 (tersedia dari pukul 8:30 pagi hingga 5:15 petang, Isnin - Jumaat, tidak termasuk cuti umum)

Bagi Allianz, anda boleh menghubungi khidmat pelanggannya pada talian 1-300-22-5542 (tersedia dari pukul 9:00 pagi hingga 6:00 petang, Isnin - Jumaat, tidak termasuk cuti umum).

Tuntutan

- 19.0 Anda boleh menyerahkan tuntutan anda melalui *eWallet* Touch 'n Go. Anda akan menerima e-mel pengesahan mengenai tuntutan yang telah anda serahkan, dan syarikat insurans / pengendali takaful akan menghubungi anda untuk pemprosesan dan penyempurnaan tuntutan anda. Anda dikehendaki memberikan dokumen sokongan yang diperlukan bagi tuntutan anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan polis, gambar atau video kejadian, agar syarikat insurans / pengendali takaful dapat memproses tuntutan tersebut.
- 20.0 Jika *eWallet* Touch 'n Go anda sudah tidak aktif namun perlindungan anda masih aktif, anda boleh mengemukakan tuntutan anda dengan mengisi borang manual dan mengemukakannya secara terus kepada syarikat insurans/pengendali takaful yang berkenaan dan menghubungi syarikat insurans/pengendali takaful yang berkenaan seperti nombor yang dinyatakan di bawah Fasal 18.
- 21.0 Untuk had tuntutan, anda boleh merujuk kepada pengesahan perlindungan/ sijil yang diberikan kepada anda selepas pengaktifan perlindungan tersebut.
- 22.0 Tuntutan anda adalah tertakluk pada semakan dan kelulusan syarikat insurans / pengendali takaful. Syarikat insurans / pengendali takaful akan bertanggungjawab terhadap penajajaminan, proses tuntutan dan / atau sebarang penyelesaian pertikaian di bawah Pelan tersebut. TNG tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penolakan tuntutan disebabkan kelayakan seperti yang dinyatakan dalam polisi / sijil induk.
- 23.0 Bagi status tuntutan, anda boleh menghubungi syarikat insurans / pengendali takaful jenis perlindungan pilihan anda seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 18.



Bentuk Komunikasi

- 24.0 Semua notis, permintaan dan/atau komunikasi lain daripada anda kepada TNG boleh disampaikan melalui saluran berikut:

Touch 'n Go Sdn Bhd

Menara 6, Avenue 5, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur

No. talian Khidmat Pelanggan (*Careline*): 03-2714 8888 (tersedia dari pukul 8:00 pagi – 8:00 malam, Isnin - Jumaat, termasuk cuti umum)

E-mel: careline@touchngo.com.my

Lain-lain

- 25.0 Penerangan ciri-ciri dan manfaat produk insurans / takaful yang terkandung di sini bukanlah kontrak insurans / takaful, dan hanya merupakan ringkasan pendek produk insurans / takaful untuk rujukan yang ringkas dan mudah. Terma dan syarat lengkap bagi produk insurans / takaful adalah terkandung dalam dokumen polisi induk/ sijil syarikat insurans / pengendali takaful. Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk bagi jenis perlindungan ini sebelum melanggan/menyertai Pelan.
- 26.0 TNG bukan pemilik atau penaja jamin produk insurans / takaful yang ditawarkan di sini. Oleh itu, TNG tidak mempunyai sebarang obligasi dan tidak menerima sebarang tanggungjawab atau liabiliti ke atas produk insurans / takaful ini dan perlindungan yang diberikan oleh syarikat insurans / pengendali takaful kepada anda. TNG hanyalah pemegang polisi induk untuk perlindungan insurans di bawah Pelan.. TNG adalah pemegang sijil induk untuk perlindungan takaful di bawah Pelan dan pengedar untuk dan bagi pihak takaful.
- 27.0 Pemilik atau penaja jamin perlindungan insurans / takaful yang ditawarkan di bawah Pelan ini ialah Allianz / Zurich. Oleh itu, Allianz / Zurich akan memikul tanggungjawab dan liabiliti penuh terhadap perlindungan insurans / takaful yang ditawarkan di sini bersama dengan perkhidmatan berkenaan yang berkaitan dengannya.
- 28.0 Terma dan syarat ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- 29.0 Pelan yang telah dilanggan / disertai oleh anda di sini adalah tertakluk pada terma dan syarat syarikat insurans / pengendali takaful.
- 30.0 Jika mana-mana peruntukan yang terkandung di sini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai, kesahan dan kebolehuatkuasaan bagi peruntukan yang lain tidak akan terjejas atau dikurangkan dengan apa jua cara, dan peruntukan yang tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut hendaklah disifatkan sebagai terbatal.
- 31.0 Terma dan syarat ini juga disediakan dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau kesamaran antara terma-terma versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi yang telah anda baca, fahami dan setuju akan diguna pakai.
- 32.0 TNGSB merupakan ejen berdaftar bagi Zurich. TNGSB adalah pemegang polisi induk bagi insurans kemalangan peribadi yang ditaja jamin oleh Allianz di bawah ParkInsure. TNG Digital Sdn. Bhd. berfungsi sebagai rakan platform TNGSB untuk ParkInsure.